

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR**  
**KAWASAN : SETIU**  
**TARIKH : 26 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN :**

**YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos pembinaan LPT2 yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Terengganu, adakah Kerajaan bercadang untuk membayar kos tersebut kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan jika ya, bilakah akan bermula pembayaran balik.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Lebuh raya Pantai Timur 2 (LPT2) telah dipersetujui pelaksanaannya secara perkongsian bersama di antara Kerajaan Persekutuan pada ketika itu dengan Kerajaan Negeri Terengganu di mana RM1.85 billion daripada keseluruhan kos pembinaan LPT berjumlah RM4.1 billion telah dibiayai menerusi peruntukan dana khas Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

Berdasarkan syarat dan terma utama dalam perjanjian konsesi, ia tidak menetapkan sebarang terma bagi perkongsian keuntungan (profit sharing) antara pihak konsesi LPT 2 Sdn Bhd dengan kerajaan sama ada Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri. Keputusan ini dibuat pada ketika itu dengan mengambil kira hasil penilaian keseluruhan oleh Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta (JKAS) dari segi tempoh konsesi, kadar tol, aliran trafik dan kadar pulangan dalaman (IRR) kepada pembida konsesi.

Oleh yang demikian, ini bermakna isu perkongsian hasil ataupun pembayaran balik kos pembiayaan kepada Kerajaan Negeri Terengganu sebenarnya tidak berbangkit.

Sekian, terima kasih.